



**SOALAN LAZIM (FAQ)**  
**BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**  
**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

- **PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM**

1. **Adakah kutipan Sisa Pepejal Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian (ICI) di Kuala Lumpur masih diteruskan?**

**Ya.** Syarikat/majikan perlu mengeluarkan surat untuk pemandu lori dan kepilkan bersama lesen JPSPN untuk kutipan ICI.  
Aktiviti kutipan mestilah mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh KKM dan JPSPN, KPKT.

2. **Pertanyaan mengenai proses pembayaran fi lesen.**

Permohonan lesen Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam boleh dilaksanakan secara atas talian menggunakan Sistem i-Lesen di pautan berikut:  
<https://ilesen.swcorp.my>

3. **Adakah perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam oleh syarikat konsesi akan diberhentikan sepanjang tempoh PKP ini?**

Perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam merupakan *essential services* yang perlu diteruskan walaupun semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedang berkuatkuasa. Perkhidmatan perlu diteruskan bagi memastikan tahap kebersihan kawasan sentiasa terpelihara dan rakyat dapat menjalani hidup dengan selesa dalam situasi pergerakan yang terbatas.

Perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam perlulah mematuhi SOP yang ditetapkan oleh KKM dan JPSPN, KPKT.

**4. Sekiranya janaan sampah sepanjang tempoh PKP meningkat di kawasan perumahan, adakah ianya akan dikutip oleh syarikat konsesi?**

Kutipan sampah akan dijalankan seperti biasa mengikut jadual tanpa mengambil kira jumlah janaan sisa tersebut.

**5. Adakah kerja-kerja pembersihan longkang dan pemotongan rumput berjalan seperti biasa dalam tempoh PKP ini?**

Perkhidmatan pembersihan awam seperti pemotongan rumput dan pembersihan longkang tetap diteruskan mengikut jadual dan frekuensi sedia ada.

**6. Adakah kerja-kerja kutipan sampah berjalan seperti biasa di kawasan perumahan sepanjang tempoh PKP?**

Ya. Perkhidmatan kutipan sampah berjalan seperti biasa mengikut jadual supaya tidak menyebabkan kacau ganggu pencemaran bau dan kotoran di kawasan perumahan.

**7. Adakah anggota Penguatkuasa SWCorp akan bertugas seperti biasa semasa PKP?**

Ya. Anggota Penguatkuasa SWCorp akan bertugas seperti biasa. Pemantauan kerja konsesi dilakukan melalui sistem berpusat. Kehadiran anggota penguatkuasa di lapangan juga diteruskan tetapi tempoh masa serta bilangan anggota diminimumkan bagi memastikan keselamatan warga kerja SWCorp daripada sebarang risiko jangkitan.

**8. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh syarikat konsesi supaya pekerja kutipan sampah tidak terdedah kepada sebarang risiko jangkitan penyakit.**

- a) Pekerja pembersihan (kutipan sampah) diwajibkan untuk menggunakan *bin lifter* semasa kerja kutipan dijalankan dan tidak memegang sampah.
- b) Pekerja sentiasa diingatkan untuk mematuhi arahan keselamatan pihak berkuasa dan mengenakan *Personal Protection Equipment (PPE)* seperti sarung tangan, topeng muka dan *hand sanitizer*.
- c) Mereka juga dikehendaki mematuhi *physical distance* sekurang-kurangnya 1 meter jika perlu berurusan dengan orang awam.

Pekerja syarikat konsesi juga perlu mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh KKM dan JPSPN semasa menjalankan kerja-kerja di lapangan.

**9. Adakah SWCorp bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk membantu menyelesaikan isu kebersihan sepanjang tempoh PKP?**

SWCorp merupakan agensi yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam perkhidmatan kutipan dan pembersihan awam di 7 buah negeri iaitu **WP Kuala Lumpur dan Putrajaya, Pahang, Perlis, Kedah, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor**. SWCorp sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengendalikan semua isu berbangkit sepanjang tempoh PKP demi kesejahteraan rakyat.

**10. Adakah pekerja kutipan sampah dan pembersihan awam syarikat konsesi mempunyai risiko dijangkiti Covid-19 semasa bertugas?**

- a) Para pekerja terdedah dengan risiko wabak Covid 19 sekiranya SOP Cara Kerja yang selamat tidak dipatuhi.
- b) Orang awam juga dinasihatkan untuk melupuskan topeng muka dengan cara yang selamat dengan merujuk kaedah pelupusan topeng muka di laman sosial SWCorp iaitu:
  - o Facebook: SWCorp
  - o Instagram: SWCorp Malaysia @swcorp\_my
  - o Twitter: @swcorp\_my
- c) Selain itu, pekerja syarikat konsesi turut terlibat dalam melaksanakan sebahagian pembersihan medan selera dan pasar yang kerap dikunjungi orang ramai untuk mendapatkan keperluan harian. Ini juga mengundang risiko kepada pekerja. Oleh itu, para pekerja sentiasa diingatkan untuk mematuhi arahan keselamatan pihak berkuasa dan mengenakan *Personal Protection Equipment* (PPE) seperti sarung tangan, topeng muka dan *hand sanitizer*.
- d) Pekerja juga dikehendaki mematuhi *physical distance* sekurang-kurangnya 1 meter jika perlu berurusan dengan orang awam

Pekerja syarikat konsesi juga perlu mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh KKM dan JPSPN semasa menjalankan kerja-kerja di lapangan.

**11. Bagaimana dengan kutipan sisa taman, sisa pukal dan sisa kitar semula?**

- a) Kutipan ke semua jenis sisa tersebut akan berjalan seperti biasa mengikut jadual yang ditetapkan di setiap kawasan perkhidmatan;
- b) Orang awam hendaklah membuang sampah ke dalam tong sampah dengan kaedah yang betul iaitu dengan mengasingkan sampah;
- c) Sisa baki (sisa makanan, pembungkus makanan, *diapers*, *face mask* dan sebagainya) perlu dimasukkan ke dalam tong yang disediakan;
- d) Sisa yang boleh dikitar semula hendaklah diasingkan dan diletakkan di tepi tong pada hari kutipan kitar semula iaitu seminggu sekali; dan
- e) Sisa pukal seperti perabot dan sisa kebun juga boleh diletakkan di hadapan rumah untuk dikutip oleh syarikat konsesi pada jadual yang sama seperti sisa kitar semula.

**12. Apakah nombor yang boleh dihubungi sekiranya terdapat sebarang aduan berkaitan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam yang perlu tindakan segera?**

Talian yang boleh dihubungi:

- a) Talian Indahkan Malaysia: 1 800 88 7472
- b) Alam Flora (Kuala Lumpur dan Putrajaya): 03-20527978
- c) Alam Flora Pahang: 09-5735666
- d) SWM Johor: 07-3356000
- e) SWM Melaka: 06-33501166
- f) SWM Negeri Sembilan: 06-6014276/4278/4280
- g) E-Idaman Perlis: 019-4003980
- h) E-Idaman Kedah: 04-7711320

**13. Adakah kutipan sampah/pembersihan awam di tempat saya akan dijalankan mengikut jadual?**

**Ya.** Operasi bagi perkhidmatan kutipan sisa pepejal oleh KPKT akan diteruskan seperti biasa di negeri-negeri yang mengguna pakai Akta 672 iaitu Perlis, Kedah, Wilayah Persekutuan, Melaka, Negeri Sembilan, Johor dan Pahang.

Bagi negeri yang tidak memakai Akta 672, pembersihan awam dan kutipan sampah adalah di bawah tanggungjawab PBT masing-masing.

**14. Adakah syarikat/ kontraktor kitar semula (persendirian) boleh menjalankan operasi mengutip sisa kitar semula dalam tempoh PKP?**

Kerja-kerja kutipan sisa kitar semula di dalam kawasan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal & pembersihan awam diteruskan seperti biasa di negeri-negeri yang menggunakan Akta 672 oleh syarikat konsesi dan sub-kontraktor konsesi. **Kontraktor persendirian berlesen yang menjalankan kutipan barangan kitar semula perlu memastikan agar SOP yang dikeluarkan oleh KKM sentiasa dipatuhi.**

**15. Operasi di kaunter JPSPN bagi urusan lesen**

Kaunter JPSPN dibuka bagi sebarang urusan pembayaran fi lesen seperti berikut:

- a) Isnin hingga Khamis: 9.00 pagi hingga 1.00 petang, 2.00 petang hingga 4.30 petang;
- b) Jumaat: 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari, 2.45 petang hingga 4.30 petang; dan
- c) Ditutup pada cuti am.

Lesen akan disediakan selepas pihak syarikat membuat pembayaran fi lesen dalam tempoh yang dibenarkan sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam surat notis pemakluman kelulusan lesen.

**16. Operasi pembayaran fi lesen dan pengeluaran sijil lesen**

Syarikat boleh membuat pembayaran secara pos dengan kaedah pembayaran yang diperincikan di dalam surat notis pemakluman kelulusan lesen. Lesen akan disediakan dan dipos kepada syarikat mengikut alamat yang diberikan bagi pembayaran diterima secara pos.

**17. Operasi pembersihan dan pemprosesan di Kilang Kitar Semula Sisa Plastik**

Kilang Kitar Semula Sisa Plastik dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh pelaksanaan PKP sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak MITI. Pihak MITI telah menetapkan 5 sektor ekonomi perlu (*essential economic sectors*) untuk beroperasi termasuklah sektor pengilangan dan pembuatan bagi menjamin proses pemulihan semula ekonomi negara.

**18. Permohonan E permit atas talian**

Proses permohonan lesen import (*approved permit – AP*) bagi sisa plastik import adalah secara atas talian melalui sistem E-permit berjalan seperti biasa.

## 19. Pemeriksaan kontena di pelabuhan oleh pihak SWCorp

Pemeriksaan kontena sisa plastik di pelabuhan Klang, Johor dan Pulau Pinang akan dibuat mengikut keperluan sekiranya kontena yang tiba adalah dalam kuantiti yang banyak di mana pemeriksaan boleh dilakukan serentak. Pegawai penguatkuasa daripada SWCorp akan sentiasa di dalam keadaan bersedia sekiranya terdapat keperluan untuk mengadakan pemeriksaan tersebut.

## 20. Adakah semua projek pembinaan pengurusan sisa pepejal boleh diteruskan dalam tempoh PKPB

**Ya.** Semua aktiviti pembinaan dibenarkan beroperasi di dalam tempoh PKP dan semua kontraktor hendaklah merujuk kepada soalan lazim (FAQ) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR).

## 21. Adakah pengoperasian Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal masih diteruskan?

**Ya.** Pengoperasian kemudahan pengurusan sisa pepejal seperti insinerator, tapak pelupusan sisa pepejal, stesen pemindahan sisa pepejal, loji rawatan *leachate* masih diteruskan kerana ianya adalah di bawah perkhidmatan yang perlu (*essential services*). Sekiranya fasiliti tidak beroperasi, sisa pepejal dari rumah / premis tidak mempunyai tempat untuk dilupuskan.

## 22. Adakah pihak operator perlu memohon kebenaran MITI bagi mengoperasi sesuatu Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal

**Tidak perlu.** Kerana pengoperasian kemudahan pengurusan sisa pepejal adalah berdasarkan kepada Warta Kerajaan Persekutuan yang telah dikuatkuasakan pada 13 Januari 2021 iaitu berhubung Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-langkah di dalam Kawasan Tempat Jangkitan) (Kawalan Pergerakan) 2021. Skop perkhidmatan ini disenaraikan sebagai perkhidmatan yang perlu (*essential services*).

Namun demikian, pihak operator perlu mengikut SOP dan Garis panduan seperti berikut:

- a) SOP Bagi Operasi Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal yang dikeluarkan oleh KPKT; dan
- b) **Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan COVID-19 di Tapak Bina Bil.2/2020** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

**23. Adakah penilaian *Key Performance Indicators* (KPI) pengoperasian Kemudahan Pengurusan Sisa Pepejal masih diteruskan semasa perintah kawalan PKP dilaksanakan. Ini kerana terdapat kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan jentera untuk menguruskan sisa pepejal di tapak.**

**Ya.** Masih diteruskan seperti biasa, sekiranya pihak operator menghadapi masalah untuk mendapatkan perkhidmatan jentera, operator tersebut perlu dikemukakan dengan justifikasi dan bukti kepada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) sebagai pihak yang memantau pengoperasian Kemudahan PSP supaya pihak operator tidak dikenakan pemotongan KPI.

**24. Apakah tempoh pengoperasian Kemudahan Pengoperasian Kemudahan Sisa Pepejal pada setiap hari?**

Tempoh pengoperasian yang dibenarkan adalah pada pukul 7:00 pagi sehingga 7:00 malam. Kemudahan Sisa Pepejal tidak dibenarkan beroperasi lebih masa semasa tempoh PKP. Walau bagaimanapun, tempoh lebih masa dibenarkan semasa tempoh PKPB dan PKPP dengan kebenaran Ketua Pengarah JPSPN terlebih dahulu dan disertakan dengan justifikasi bagi tujuan menyokong permohonan.

Manakala selepas PKP berakhir, tempoh pengoperasian adalah berdasarkan kontrak pengoperasian yang telah ditandatangani di antara pihak Kerajaan dengan operator berkenaan.

**25. Adakah pekerja Kemudahan PSP konsesi mempunyai risiko dijangkiti COVID-19 semasa bertugas?**

- a) Para pekerja terdedah dengan risiko wabak COVID-19 jika SOP Cara Kerja yang selamat tidak dipatuhi.
- b) Kerja-kerja di lapangan seperti *manual sorting* dan penggunaan jentera di tapak juga mendedahkan risiko jangkitan COVID-19 kepada para pekerja. Oleh itu, para pekerja sentiasa diingatkan untuk mematuhi arahan keselamatan pihak berkuasa dan mengenakan *Personal Protection Equipment* (PPE) seperti sarung tangan, topeng muka dan menggunakan *hand sanitizer*.
- c) Pekerja juga dikehendaki mematuhi *physical distance* sekurang-kurangnya 1 meter ketika berkerja terutama melibatkan pemantauan di bilik kawalan dan di tapak.

**26. Apakah amalan-amalan yang perlu dipatuhi oleh operator fasiliti tapak pelupusan?**

- a) Memastikan semua pekerja mengikut SOP norma baharu seperti mengenakan topeng muka, sarung tangan dan mengamalkan penjarakkan fizikal.
- b) Memastikan bahawa semua mesin dan jentera yang digunakan semasa menguruskan pengoperasian fasiliti tapak pelupusan perlulah dilaksanakan proses nyah kuman sebelum dan selepas digunakan untuk mengelakkan risiko jangkitan COVID-19 para pekerja.
- c) Menyediakan peralatan seperti *outdoor shower* bagi memastikan kebersihan pekerja-pekerja di bawah seliaan masing-masing dalam keadaan terjaga;
- d) Menyediakan tisu, *hand sanitizer* dengan sekurang-kurangnya 70% alkohol dan sabun semasa operasi harian dijalankan; dan
- e) Amalan di atas perlulah diteruskan sekurang-kurangnya tiga bulan selepas arahan penamatan PKP oleh Kerajaan dilaksanakan.

• **OPERASI SANITASI AWAM**

**1. Berapa kawasan yang terlibat dalam operasi sanitasi awam KPKT?**

Pelaksanaan Operasi Sanitasi Awam COVID-19 disasarkan di kawasan zon merah dan zon kuning yang telah dikenal pasti oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).

Liputan sanitasi adalah dalam radius 1.5km atau di kawasan yang mempunyai *high human interface* dan kawasan tumpuan awam.

**2. Berapa lamakah tempoh operasi sanitasi awam KPKT akan dilaksanakan?**

Operasi ini akan dimulakan jam 9 pagi sehingga selesai dan penduduk kawasan terlibat perlu berada di rumah sepanjang tempoh operasi dilaksanakan.

**3. Adakah semasa operasi sanitasi awam kawasan terlibat ditutup atau dibuka untuk laluan kenderaan awam?**

Kawasan terlibat akan ditutup untuk laluan orang awam atau kenderaan awam sepanjang tempoh operasi.



4. **Adakah operasi sanitasi awam KPKT hanya dilaksanakan di kawasan zon merah sahaja?**

**Tidak.** Operasi sanitasi awam KPKT memberi keutamaan kepada kawasan zon merah terlebih dahulu. Selepas itu, fokus juga akan tertumpu kepada kawasan zon jingga.

5. **Bagaimana pula operasi sanitasi awam di negeri lain selain daripada kawasan yang disenaraikan?**

Kawasan-kawasan lain akan dimaklumkan dari masa ke semasa. Penentuan kawasan adalah tertakluk kepada zon yang akan ditentukan oleh pihak KKM atau PKD.

6. **Adakah kawasan yang telah selesai operasi sanitasi awam akan dibuka untuk laluan orang awam?**

Pihak penduduk di kawasan sekitar operasi akan dimaklumkan melalui pengumuman bergerak setelah selesai operasi. Operasi ini dijangka akan mengambil masa lebih kurang 4 jam.

7. **Adakah operasi sanitasi awam akan dilakukan kerap lagi di satu-satu tempat?**

Kekerapan operasi sanitasi awam akan dilaksanakan secara berkala dan bergantung kepada kes covid yang diklasifikasikan oleh pihak KKM atau PKD.

8. **Adakah operasi sanitasi awam KPKT akan dilaksanakan secara berterusan?**

**Ya.** Operasi sanitasi awam akan dilaksanakan berterusan sehingga tamat tempoh PKP.

9. **Adakah bahan kimia yang digunakan merbahaya dan boleh memberi kesan kepada orang awam?**

**Tidak.** Bahan yang digunakan adalah bahan penyahaktif kuman yang telah mendapat kelulusan Jabatan Kimia Malaysia.

**10. Adakah kawasan yang akan disanitasi hanya jalan-jalan utama sahaja?**

**Tidak.** Operasi sanitasi awam bermula dari bahu jalan sehingga ke dinding luar bangunan/premis atau pagar yang merangkumi perabot jalan seperti papan tanda, sisi jalan (*kerb side*), penghadang (*guard rail*) termasuk tiang lampu, lampu isyarat meliputi tempat awam yang terbuka atau lokasi kunjungan orang awam seperti laluan siar kaki, jejantas, taman awam, taman permainan kanak-kanak, pasar awam, kemudahan awam, hab-hab pengangkutan awam serta pusat tong sisa pepejal.

**11. Adakah operasi sanitasi awam KPKT akan melibatkan Persatuan Penduduk atau orang awam?**

**Tidak.** Hanya melibatkan petugas operasi sahaja. Penduduk mahupun orang awam perlu berada di rumah masing-masing.

**12. Adakah kerja- kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam berjalan seperti biasa semasa operasi sanitasi awam KPKT?**

Kerja-kerja kutipan dan pembersihan akan bersambung seperti biasa selepas berakhir operasi tersebut.

**13. Apakah langkah-langkah yang diambil supaya petugas operasi sanitasi awam tidak terdedah kepada sebarang risiko?**

Petugas operasi dibekalkan kelengkapan peralatan perlindungan diri (PPE) dan perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan.

**14. Apakah nombor yang boleh dihubungi sekiranya berlaku kerosakan aset awam semasa operasi sanitasi awam KPKT?**

Pengadu perlu membuat laporan polis dan menyalurkan aduan melalui aduan rasmi untuk proses tuntutan ganti rugi.

**15. Bagaimanakah permohonan operasi sanitasi dibuat untuk syarikat persendirian?**

Sanitasi boleh dilakukan atas inisiatif syarikat/ majikan sendiri dengan melantik kontraktor pembersihan yang bertauliah dan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) pelaksanaan sanitasi awam yang dikeluarkan oleh KKM.

## 16. Apakah kandungan nisbah campuran bahan untuk sanitasi?

Bagi operasi sanitasi di luar bangunan/persekitaran, disinfektan diguna pakai adalah dari jenis sodium hypochlorite dengan kepekatan 5%.

Bagi operasi sanitasi di dalam bangunan pula, disinfektan diguna pakai adalah dari jenis sodium hypochlorite dengan kepekatan 0.1%-0.5% atau Ethanol dengan kepekatan 70%.

Ringkasan penyediaan disinfektan dan kesesuaian penggunaannya adalah sebagaimana Jadual berikut:

Bil.	Bahan Disinfeksi	Cara Penyediaan Kegunaan	Kegunaan
1.	Sodium Hypochlorite (5%) (bahan peluntur)	Campurkan 1 liter Sodium Hypochlorite kepada 9 liter air paip.	Luaran/persekitaran
2.	Sodium Hypochlorite (0.1-0.5%) (bahan peluntur)	Campurkan 1 liter Sodium Hypochlorite kepada 9 liter air paip.	Dalam bangunan
3.	Ethanol (70%)	Tiada	Dalam bangunan

## 17. Apakah prosedur untuk memohon operasi sanitasi dilaksanakan di premis kerajaan?

Berdasarkan semakan dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta SWCorp, Ops sanitasi awam dilaksanakan mengikut keutamaan zon yang ditetapkan oleh KKM. Sebarang permohonan untuk sanitasi premis cawangan boleh dikemukakan kepada pihak KKM/Bomba. Semakan dengan pihak Bomba juga serta surat bertarikh 9 April 2020 mendapati pihak Bomba sedang dalam mengenal pasti lokasi di premis-premis Kerajaan berdasarkan keutamaan berikut:

- a) Jika terdapat anggota yang positif COVID-19;
- b) Balai-balai yang memilik lokap;
- c) Balai dan Ibu Pejabat Daerah yang berada di kawasan zon merah dan jingga;
- d) Berdasarkan kepada rekomendasi PKD dan perbincangan bersama pihak PDRM di peringkat tempatan; dan
- e) Mencadangkan pemanggil untuk berhubung terus dengan Pusat Pengurusan Operasi Bomba di talian 03-88927657 / 03-88927658.

## 18. Sanitasi di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR)

Sanitasi dilaksanakan di PPR dibawah KPKT adalah diberi keutamaan kepada PPR yang berada dalam zon merah dan kuning dahulu.

## 19. Pelaksanaan sanitasi di kawasan persendirian / kediaman

Bahan yang digunakan adalah sodium hypochlorite. Untuk sanitasi di luar bangunan, bahan tersebut dilarutkan sehingga 0.5%, manakala untuk dalam bangunan larutan sehingga 0.1%.

Pemilik bangunan hendaklah melaksanakan sendiri sanitasi bagi premis persendirian.

## 20. Penyertaan sanitasi oleh syarikat swasta / CSR

Syarikat swasta perlu berhubung dengan Bomba atau PBT di kawasan berkaitan untuk permohonan dan pelaksanaan dan perlu **mematuhi sepenuhnya** Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020 yang dikeluarkan oleh KKM. Garis panduan berkenaan boleh dimuat turun daripada laman sesawang KKM.

## 21. Permohonan sanitasi di kawasan premis kerajaan

Agensi tersebut boleh memohon terus dengan Bomba atau PBT yang berkaitan.

## 22. Berapakah kos bagi menjalankan kerja-kerja sanitasi di syarikat swasta?

Kos menjalankan kerja-kerja sanitasi di syarikat swasta adalah tertakluk kepada pihak syarikat yang dilantik. Syarikat yang menjalankan kerja-kerja sanitasi boleh menawarkan perkhidmatan sanitasi kepada kilang/bangunan/premis swasta secara *business to business* di mana semua kos logistik, tenaga kerja, peralatan, bahan kimia dan keperluan-keperluan lain yang berkaitan **ditanggung sepenuhnya** oleh syarikat yang melantik.

Syarikat yang menjalankan kerja-kerja sanitasi perlu **mematuhi sepenuhnya** Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020 yang dikeluarkan oleh KKM. Garis panduan berkenaan boleh dimuat turun daripada laman sesawang KKM.

**23. Syarikat swasta ingin membuat permohonan kebenaran kerja pembasmian kuman atau ingin membuat CSR dalam operasi sanitasi KPKT**

Dimohon untuk merujuk dan membuat permohonan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) / KKM atau PBT di kawasan terbabit.

SOP adalah berpandukan KKM dan agensi pelaksana utama sanitasi ialah JPBM.

**24. Bilakah operasi sanitasi awam KPKT di kawasan awam akan dilaksanakan?**

KPKT telah melaksanakan operasi sanitasi awam mulai 30 Mac 2020 sehingga tempoh yang akan diberitahu kelak.

**25. Adakah operasi sanitasi awam KPKT akan dilaksanakan serentak di semua tempat?**

Ya. Akan dilaksanakan serentak mulai 30 Mac 2020 sehingga tempoh yang akan diberitahu kelak.

**26. Siapakah agensi yang terlibat dalam operasi sanitasi awam KPKT yang dilaksanakan?**

KPKT, KKM dan PBT. Operasi tersebut turut dibantu pelbagai kementerian dan agensi di bawah kementerian.

**27. Adakah KKM turut menyediakan perkhidmatan sanitasi percuma untuk Pejabat Kerajaan?**

Setakat ini belum ada pengumuman rasmi dan boleh terus merujuk kepada KKM untuk kepastian.

**28. Bagaimanakah pelaksanaan perkhidmatan sanitasi bagi kilang /premis/bangunan swasta yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB)?**

Syarikat-syarikat di dalam sektor-sektor yang dibenarkan beroperasi wajib mematuhi syarat-syarat Prosedur Operasi Standard Am dan Garis Panduan Am Kebenaran Beroperasi Serta Pergerakan Pekerja Bagi Syarikat-Syarikat Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Berdasarkan SOP yang telah disediakan oleh MITI, pemilik kilang/bangunan/premis bertanggungjawab untuk melaksanakan proses sanitasi sebelum memulakan operasi dan boleh melantik mana-mana syarikat yang menjalankan perkhidmatan sanitasi dengan kos perkhidmatan ditanggung oleh pihak syarikat. Syarikat juga perlu mematuhi sepenuhnya Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020 yang dikeluarkan oleh KKM.